

# CUNGKIL BAKAT CILIK



## ■ 100 pelajar orang asli, anak yatim pelajari teknik main badminton dengan betul

### Petaling Jaya

Seramai 100 pelajar orang asli dan anak yatim mengikuti klinik badminton Sukan Untuk Semua anjuran **Kumpulan Perangsang Selangor**

Berhad (Perangsang Selangor) bertempat di Cham-

pion Arena, Kayu Ara, baru-baru ini.

Pengarah Bersekutu, Perhubungan Awam, Media dan Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor, Mohd Fauzi Mohd Ghazali, berkata program berkenaan adalah tanggungjawab sosial korporat yang diatur bagi

memberi peluang kepada semua golongan masyarakat di Selangor terutama golongan terpinggir untuk mempelajari ilmu serta menggalakkan mereka menceburi bidang sukan.

Menurutnya, penyertaan kali ini memabitkan pelajar berusia dalam lingkungan 11



Kami melantik J World Sports melaksanakan program pada tahun ini dengan menyasarkan pembabitan 750 peserta"

Mohd Fauzi Mohd Ghazali

hingga 14 tahun daripada SK Sungai Melut dan SK Bukit Tampoi dari daerah Sepang, SK Bukit Lanjan, Petaling Jaya serta Rumah Amal Asnaf Al-Barakh, Gombak.

"Kami melantik J World Sports untuk melaksanakan sebanyak lapan program pada tahun ini dengan me-

nyasarkan pembabitan seramai 750 peserta," katanya. Siri pertama bermula pada Mei yang lalu menyaksikan 46 peserta daripada National Autism Society of Malaysia mengikuti program dikendalikan bekas pemain badminton kebangsaan, Jason Wong.